

Isnin – 22 Februari 2021

Halaman : 32

Pejabat ADUN Chenderiang agih bantuan kotak makanan kepada Orang Asli

SUMBANGAN. Sukarelawan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Chenderiang mengagihkan kotak bantuan makanan kepada penduduk Orang Asli Batu 6, Tapah, Perak yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) demi memastikan mereka tidak terputus bekalan keperluan harian.

Bantuan disampaikan Pegawai Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chenderiang, Wan Nor Fairus kepada pihak Angkatan Pertahanan Awam (APM) Batang Padang untuk diagihkan kepada Orang Asli yang sedang menjalani perintah kawalan tersebut.

Turut menerima sumbangan makanan ialah petugas-petugas barisan hadapan yang bertugas mengawasi PKPD di perkampungan tersebut.

Sumbangan serupa juga turut diedarkan kepada petugas barisan hadapan di Ibu Pejabat Polis Daerah Tapah yang diterima Ketua Polis Daerah Tapah, Superintendant Wan Azharuddin Wan Ismail untuk diagihkan kepada anggota polis yang sedang menjalani kuarantin kendiri.



WAN NUR (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan berupa kotak makanan untuk diagihkan kepada penduduk Orang Asli Batu 6 di Tapah, Perak baru-baru ini.